

Kegiatan wakil rakyat jadi bahan rujukan U.M. - 4 JULAI 1989 — PM

KUALA LUMPUR 3 Julai — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kegiatan wakil - wakil rakyat negara ini adalah bahan rujukan yang penting untuk kajian generasi muda akan datang.

"Semua kegiatan ahli politik dalam Dewan Rakyat yang digambarkan dalam corak akademik adalah penting untuk kajian zuriat - zuriat kita akan datang.

"Dengan itu kegiatan - kegiatan wakil rakyat sama ada di dalam atau di luar Dewan serta di luar negeri boleh dikumpulkan dalam Jurnal Parlimen Malaysia yang diterbitkan tiga kali setiap tahun," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian semasa melancarkan Jurnal Parlimen Malaysia yang pertama bertajuk *Dewan* di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Prestasi

Beliau mengajak wakil - wakil rakyat termasuk dari parti pembangkang menyumbangkan karya mereka di dalam Jurnal Parlimen Malaysia.

Dengan cara ini juga, menurut beliau, rakyat dapat mengetahui apa yang berlaku di Dewan semasa persidangan wakil - wakil rakyat berlangsung.

Beliau berkata, wakil - wakil rakyat boleh menyumbang karya - karya mengenai kegiatan kursus - kursus di luar negeri serta apa sahaja kegiatan yang boleh meningkatkan prestasi mereka sebagai wakil kepada rakyat.

Bagaimanapun, beliau berkata karya - karya yang akan disumbangkan nanti tidak semestinya mengenai perkara - perkara yang serius sahaja kerana Jurnal Parlimen Malaysia bertujuan memberi *human face* kepada Dewan Rakyat.

"Mereka boleh menulis mengenai perkara - perkara yang ringan kerana Jurnal Parlimen Malaysia merupakan bahan bacaan yang ringan ketika sedang berehat," ujarnya.